

Penduduk masih trauma tragedi

Ramai enggan pulang walaupun pihak berkuasa sah kediaman selamat diduduki

B.M 21/12/08 M/8/11

Banglo Tertimbus
Taman Bukit Mewah,
Hulu Klang



Oleh Mohd Azis Ngah
azis@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Sebahagian penduduk sekitar Bukit Antarabangsa yang dibenarkan pulang ke rumah semalam, selepas kajian pihak berkuasa mendapati lima kawasan kediaman selamat untuk diduduki, berbelah bahagi untuk berbuat demikian kerana masih trauma dengan tragedi tanah runtuh 6 Disember lalu.

Mereka masih memerlukan jaminan keselamatan dan mahu menunggu satu lagi laporan lengkap mengenai keadaan struktur tanah di situ oleh badan khas dilantik dan dibayar sendiri penduduk melalui Jawatankuasa Bertindak Bukit Antarabangsa.

Semalam, Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar mengumumkan lima kawasan kediaman yang diberi tanda merah selepas tragedi tanah runtuh itu disahkan selamat, manakala beberapa lagi kawasan sekitar memerlukan penilaian mengenai tahap keselamatannya.

Berikutan itu, antara 400 hingga 500 penduduk di lima kawasan kediaman itu dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada bila-bila masa.

Bagaimanapun, sebahagian penduduk masih bimbang

kejadian ngeri itu akan berulang dan ada antara mereka yang memutuskan tidak akan kembali langsung ke situ walaupun disahkan benar-benar selamat.


Presiden Jawatankuasa Bertindak Bukit Antarabangsa, Datuk N Muniandy, berkata pihaknya sudah menyampaikan maklumat terbaru itu kepada penduduk dan terpulang kepada mereka membuat keputusan berpindah atau tidak.

"Kami sedang menunggu laporan khas jawatan penyiasat yang dibayar penduduk, mungkin akan dapat keputusan dalam masa tiga bulan. Kami mahukan satu laporan yang menjamin kawasan ini benar-benar selamat, barulah boleh berpindah semula.

"Laporan yang diterima hari ini (semalam) akan digunakan sebagai jaminan kepada mana-mana penduduk yang ingin memasuki kawasan ini dalam masa terdekat," katanya.

Ketika ini, laluan alternatif ke Jalan Bukit Mewah 2, Bukit Antarabangsa, Kondominium Impian Selatan sudah siap diturap dan digunakan bagi membolehkan penduduk memasuki rumah masing-masing.

Tinjauan mendapati, kebanyakan rumah di Jalan Bukit Mewah 2 masih kosong, tiada penduduk yang memasuki kediaman mereka walaupun pengumuman bahawa kawasan itu selamat diduduki.



PEMILIK rumah, Michelle Ng Siew Chew mengeluarkan barang dari rumahnya yang terabit dalam kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa.

Nordin Fazal, 35, yang ditemui di kediamannya di Bukit Mewah 2, berkata beliau sudah mendapat maklumat terbaru itu tetapi tidak akan berpindah semula ke situ selagi kemudahan asas belum lengkap.

"Bekalan elektrik sudah ada, tetapi belum ada bekalan air. Bagaimana nak basuh dan bersihkan rumah, kegunaan harian. Sekarang kami masih menginap di hotel. Tunggalah dulu, bila dah selesai kami akan pindah," katanya.

Presiden Jawatankuasa Bertindak Penduduk Taman Bukit Jaya, Fazlur Rahman, berkata mereka sanggup ber-

“Laporan yang diterima hari ini (semalam) akan digunakan sebagai jaminan kepada mana-mana penduduk yang ingin memasuki kawasan ini dalam masa terdekat”

N Muniandy
Presiden Jawatankuasa Bertindak Bukit Antarabangsa

kongsi duit untuk membayar kos badan khas mengkaji struktur tanah di situ semata-mata mahukan jaminan kawasan itu selamat diduduki.

"Dulu kami undi dan sokong Menteri Besar Selangor; sekarang kami minta mereka buktikan mereka boleh tolong rakyat dalam kesudahan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Maimunah Hassan, 35, menegaskan, walaupun kawasan itu sudah diisytiharkan selamat, beliau tidak akan sekali-kali kembali ke rumah asalnya kerana masih kurang yakin.